

01 APR 1999

MAHATHIR-JAHITAN

PM AKAN RASMI PAMERAN JAHITAN 6 APRIL

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pembukaan Pameran Jahitan Lelaki di sini 6 April, kata penganjur pameran itu Spark Manshop Sdn Bhd.

Dr Mahathir juga akan menghadiri satu pertunjukan fesyen lelaki yang diadakan sempena pameran itu, yang akan memaparkan pelbagai reka bentuk daripada Spark Manshop, rangkaian jahitan lelaki terkemuka Malaysia, syarikat itu berkata di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Bertemakan "Satu Kisah Kejayaan Malaysia: Wasasan dan Inovasi", pameran dua hari itu akan diadakan di Hotel Shangri-la Kuala Lumpur.

Pameran itu juga akan memaparkan fakta-fakta menarik di dalam sejarah fesyen dan jahitan lelaki yang akan meliputi asal pelbagai fabrik, pameran corak-corak dan rekabentuk pakaian dan juga potongan-potongan.

Peserta-peserta pameran lain termasuk pengeluar fabrik antarabangsa seperti Carlo Barbera, Loro Piana, Ermenegildo Zegna, Thomas Mason, Valentino, Versace dan pengeluar zip termasyhur YKK Zipper, Spark Manshop berkata.

Menurut JJ Lim, pengarah urusan Spark Manshop, acara itu diadakan sempena ulangtahun ke-21 dan juga untuk mempamerkan keupayaan dan kemajuan jahitan dan industri fesyen lelaki Malaysia.

Acara penting termasuk pertunjukan fabrik paling mahal di dunia, "Vicuna" daripada Loro Piana, pengeluar fabrik Itali, kata Lim.

Digelar "Fiber of the Gods," Vicuna dibuat daripada bulu vicuna, spesies haiwan jarang-jarang didapati dan dilindungi daripada pergunungan Andes dan harganya kira-kira RM20,000 semeter, katanya.

-- BERNAMA

NLY SA OS